

Kemarau: Penduduk terseksa perigi, air parit kering

KUALA TERENGGANU – Musim kemarau yang dianggap paling lama di negeri ini sejak 60 tahun lalu, menyebabkan kebanyakan perigi di empat buah kampung sekitar kawasan Manir kering.

Berikutan masalah yang berlanjutan sejak dua bulan lalu, penduduk mengambil inisiatif menggali air bawah tanah (boreng air) sebagai langkah mencari mata air dengan harapan mereka dapat kembali bergantung kepada air perigi.

Difahamkan kebanyakan penduduk di Kampung Binjai Manis, Parit Che Ha, Pujuk dan Pulau Hitam lebih selesa menggunakan air perigi berbanding paip jalan, menyebabkan mereka sukar mendapatkan bekalan air apabila musim kemarau yang turut menyebabkan air parit kering.

Menurut Pengerusi Surau Parit Che Ha, Ismail Awang, sejak



Penduduk sepakat menggali perigi berhampiran Surau Parit Che Ha.

masalah ketiadaan air semakin kritikal dua bulan lalu, penduduk berhampiran menggunakan air perigi di surau berkenaan untuk kegunaan seharian.

“Sekarang ini, telaga sedalam 11 meter yang menjadi tumpuan penduduk pun semakin berkurangan airnya. Air yang ada tidak sampai 0.3 meter sebab terlalu ramai penduduk yang gunakan air perigi ini.

“Bila tengok masalah ini semakin serius, penduduk sepakat gali sebuah lagi perigi untuk menampung keperluan air yang berkurangan,” katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di surau berkenaan.

Dalam pada itu, Ismail berkata, penduduk telah menghantar surat permohonan kepada Syarikat Air Terengganu (Satu) sebulan yang lalu untuk mendapatkan paip jalan bagi kemudahan mereka terutama pada musim kemarau, namun tiada sebarang respons positif diterima penduduk kampung.

Selain pihak Satu, penduduk




Ismail terpaksa menghulurkan timba ke dalam perigi sedalam 11 meter bagi memperoleh air di dalam perigi lama.

juga memaklumkan masalah berkenaan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran negeri (JPS) dengan harapan pihak itu dapat melepaskan air ke dalam parit di kampungnya dalam masa terdekat, namun usaha itu juga hampa.

Kini masing-masing mencari ikhtiar lain sehingga ada yang sanggup menggali sendiri perigi di rumah mereka untuk mendapatkan air kerana sudah tidak tahan menggunakan air sungai dan air dari mesin yang dijual di tepi jalan sebagai bekalan air di rumah.

Sementara itu, menurut Embong Mat Zin, 69, dia turut mengambil



EMBONG MAT ZIN

inisiatif menggali perigi berhampiran rumahnya tiga minggu lalu.

Namun apa yang mengecewakannya, sehingga kelmarin, perigi yang digalinya itu masih belum ada air. Ekoran itu, dia terpaksa menggunakan air perigi di surau atau ke sungai sejauh 1 kilometer sebagai bekalan di rumah.

“Tak cukup dengan itu, setiap hari pakcik akan beli 16 liter air dari mesin air yang dijual di tepi jalan untuk kegunaan memasak,” jelasnya.

Penduduk di empat kampung berkenaan berharap masalah ketiadaan air di kawasan mereka dapat diatasi segera.



Keadaan parit yang kering ekoran cuaca panas melampau.